

Henti bangkit isu keabsahan kerajaan: Anwar

BH - 21/12/2022 m/s: 5

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta semua pihak berhenti daripada membangkitkan isu keabsahan kerajaan, memandangkan usul undi percaya terhadap kepimpinan Perdana Menteri sudah diluluskan ahli Dewan Rakyat semalam.

Perdana Menteri menjelaskan isu nombor, yang merujuk sokongan diterima Perdana Menteri dari Ahli Parlimen juga tidak lagi berbangkit selepas ini, sebaliknya semua pihak harus memberi ruang kepada kerajaan meneruskan fungsi dan tanggungjawabnya mentadbir negara.

“Saya melihat (bentang usul percaya) tidak hanya kepada keperluan undang-undang atau perlembagaan, tapi moraliti legitimasi supaya kita dapat perintah. Seperti disebut (Ahli Parlimen) Titiwangsa (Datuk Seri Johari Abdul Ghani), supaya kita ada ruang untuk menumpukan perhatian selepas ada kestabilan politik.

“Keabsahan (ini penting) supaya (kerajaan dapat) tumpukan perhatian kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih meyakinkan. Itu saya akan lakukan. Saya hargai penghargaan yang diberikan untuk saya teruskan tanggungjawab,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap membentangkan usul Rang Undang-Undang (RUU) Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Wang Masuk) 2022 peringkat bacaan kali kedua di Dewan Rakyat semalam.

Terima sokongan majoriti

Anwar semalam menerima sokongan majoriti menerusi undian suara di Dewan Rakyat bagi menenukan keabsahan Kerajaan Perpaduan pimpinannya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, pembentukan Kerajaan Perpaduan sebelum ini juga dipertikaikan pembangkang, namun dengan kelulusan usul percaya itu, ia tidak sewajarnya terus dipertikai dan dipersoalkan lagi.

“Pembentukan Kerajaan Perpaduan menimbulkan pertikaian tetapi sudah dilakukan keabsahan. (Ahli Parlimen) Kota Bharu pertikai. Soal nombor...usul ini dari kerajaan. Kalau tidak dipersetujui, dibangkang dengan suara. Kalau tak puas hati, diminta belah bahagian, itu juga tidak berlaku.

“Jadi kita ‘move onlah’ (teruskan) saya tidak berhajat sama sekali Kota Bharu untuk bangkitkan lagi isu ini. Saya mahu tumpukan perhatian, betulkan kepincangan dalam pentadbiran dan pengurusan kerajaan, elak dari penyalahgunaan kuasa dan rasuah,” katanya.

Sementara itu, pakar ekonomi, Prof Emeritus Dr Barjoi Bardai, berkata keabsahan kepimpinan Anwar adalah isyarat jelas menuntut kerajaan untuk merombak ekonomi.

Katanya, rombak ekonomi itu penting bagi rancangan jangka pertengahan dan panjang ekonomi negara.

Beliau berkata dua perkara yang perlu diberikan pertimbangan, adalah dengan menarik pelabur dan menggalakkan orang ramai berbelanja bagi meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

“Untuk itu kerajaan perlu memberi tumpuan kepada dua isu utama ekonomi iaitu peningkatan kos sara hidup dan usaha menaikkan pendapatan,” katanya kepada BH.

Barjoi yang juga Profesor Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan UNIRAZAK berkata, cabaran terbesar kerajaan sekarang adalah mengatasi kenaikan kos sara hidup.

Katanya, agak sukar untuk mengurangkannya kerana harga barang terus naik lebih lagi kebergantungan kepada produk import yang mana harga melonjak kesan ekonomi global.

“Namun, usaha penguatkuasaan dapat memerangi kenaikan harga barang ini. Ini adalah antara mekanisma mengawal pasaran yang mana kerajaan boleh mengesan tindak-tanduk kartel dan peniaga yang menaikkan harga.

“Kerajaan kena tegas mengambil tindakan kepada peniaga rakus ini yang bertindak memaksimum untung dan kerajaan boleh giatkan mengawal kegiatan perniagaan yang tidak sihat,” katanya.

Beliau turut mencadangkan diperkenalkan semula konsep pasar rakyat yang dikenali pasar tani yang pernah dicetus ideanya oleh Anwar ketika beliau menjadi Menteri Pertanian.

Ditanya kewajaran kerajaan menaikkan gaji minimum pekerja awam, katanya pada masa ini kerajaan sudah dibebani perbelanjaan besar bagi membayar emolument yang tinggi.